

'Industri berat kukuhkan ekonomi'

BH 2 SEP 1985

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan 'rantalan kepada ekonomi negara', yang boleh diperolehi menerusi pembangunan industri berat.

Perdana Menteri berkata, industri-industri berat akan dapat menggunakan lebih banyak sumber tempatan dalam sesuatu pengeluaran.

Menerusi industri berat, pertukaran wang asing dapat dijimatkan. Sekiranya barang-barang yang menggunakan modal yang tinggi tidak dikeluarkan, negara terpaksa mengimport dari luar negeri.

Proses industrialisasi tidak akan lengkap sehingga negara berkeupayaan dalam industri berat, tambahnya.

dengan mengkritik industri berat keseluruhannya, tanpa menyedari banyak industri berat di negara ini sudah lama wujud dan mencapai kejayaan. Masa akan membuktikan kejayaan Hicom dan kereta nasional ini.

"Janganlah kerana ingin membuktikan kebenaran kritikan mereka itu, pengkritik sengaja berusaha menggagalkan projek-projek industri berat kita," katanya.

Beliau menjelaskan, pemindahan teknologi bagi sektor ini adalah sangat luas, dan ia adalah salah satu faedah yang besar dalam industri berat.

"Industri-industri berat, terutama industri besi dan kejuruteraan, akan menyediakan asas untuk memajukan teknologi tempatan. Hicom bukan sahaja dapat mewujudkan peluang pekerjaan, tetapi juga menjadi tempat jurutera dan ahli-

Takrifan

Menurut beliau, memang menjadi amalan semua negara yang ingin menjadi negara perindustrian, mengadakan industri berat, sebagai asas dan penggerak ke arah matlamat perkembangan industri.

Beliau menyatakan demikian ketika melancarkan jualan kereta nasional, Proton Saga, dan pembukaan rasmi Ibu Pejabat Edaran Otomobil Nasional (EON) di Batu Tiga, Shah Alam, dekat sini, serta 20 cawangannya.

Perdana Menteri berkata, satu unsur penting dalam strategi perindustrian negara ialah penumpuan kepada pembangunan industri berat.

"Bagi sesetengah orang, terutama pengkritik-pengkritik, industri berat bermakna Perbadanan Industri Berat Malaysia (Hicom) dan beberapa industri yang sungguh besar.

"Sebenarnya industri berat mengikut takrifan pembangunan negara termasuk kilang-kilang simen, besi berongga, besi waja, loji baja ammonia, kilang kertas dan palpa, kilang petrokimia serta projek-projek tenaga.

"Bagi pengkritik Hicom, mereka terlajak

ahli teknikal menggunakan pengetahuan, mengasah kemahiran dan menguji idea baru masing-masing.

"Bahkan, industri-industri berat adalah tempat untuk mencungkil teknologi pembinaan dan kejuruteraan yang unggul. Penubuhan industri-industri berat akan memberi cabaran yang sewajarnya kepada jurutera-jurutera, ahli-ahli sains dan juru teknologi negara.

"Lebih banyak industri seperti ini, lebih mencabarlah teknologi ini kepada mereka. Pemindahan teknologi tidak akan berlaku jika hanya menunggu ia datang bergolek. Kita mesti mencari dan mengejar teknologi dengan penuh minat dan ketabahan hati," tambahnya.